

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3(16)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2014-2015)  
BILANGAN 8 TAHUN 2015**

**Tarikh** : 28 Ogos 2015 (Jumaat)  
**Masa** : 10.00 Pagi – 12.00 Tengahari  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

---

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Perhubungan Awam dan Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam dan Korporat mengambil masa selama 7 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Ogos 2015.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

3.1 Terlebih dahulu beliau mengucapkan rasa syukur di atas nikmat kesihatan yang diberikan kepada semua. Beliau turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.



Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Justeru itu, beliau berharap agar layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

### 3.2 MBPJ TERIMA PENGHARGAAN PBT CEMERLANG BANDAR SELAMAT

Bersempena dengan Program Bandar Selamat, Majlis telah menerima penghargaan PBT Cemerlang dalam Program Bandar Selamat yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Program usaha sama di antara Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) itu telah membangunkan **iSelamat.my** iaitu laman web yang memaparkan maklumat jenayah secara pemetaan kepada orang awam.

Melalui projek perintis ini, orang ramai kini boleh melayari laman sesawang **iSelamat.my** bagi memperolehi maklumat terkini dan tepat mengenai kejadian jenayah serta panduan keselamatan.

Maklumat-maklumat penting seperti nombor telefon balai polis berhampiran, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dan Rukun Tetangga turut disediakan bagi memudahkan perhubungan secara tuntas antara komuniti dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Sistem **iSelamat.my** ini memberi fokus kepada paparan maklumat di 14 PBT hotspot seluruh Malaysia termasuk kawasan pentadbiran MBPJ. Ini sedikit sebanyak membantu masyarakat mengetahui *rating* dan jenis jenayah yang kerap berlaku di sesuatu kawasan agar perancangan awal boleh dilakukan.

Antara pendorong kepada penghargaan yang diterima adalah pelaksanaan Program Bandar Selamat di Petaling Jaya yang amat cemerlang sejak tahun 2009 terutamanya program-program yang melibatkan penduduk dan komuniti seperti inisiatif pemutihan kawasan *blackspot*, insentif tahunan bagi program PKKPJ, Rondaan Keselamatan MBPJ bersama PDRM serta pelbagai pihak. Pengiktirafan ini sememangnya satu penghargaan yang besar buat MBPJ selaras dengan wawasan Petaling Jaya Sustainable 2030.



### 3.3 BENGKEL DAN SEMINAR CREATING STREETS FOR PEOPLE

Selaras dengan Rangka Kerja Dasar Perancangan “**Petaling Jaya Sustainable 2030**” menetapkan lima halatuju utama antaranya Habitat Kita “Menjadikan Petaling Jaya sebagai Sebuah Bandaraya Indah Dan Berdayahuni”. Sehubungan itu, Majlis telah menganjurkan **Bengkel Dan Seminar Creating Streets For People** yang telah diadakan pada 26 dan 27 Ogos 2015 bagi mendapatkan kaedah terbaik di dalam penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal di Petaling Jaya melalui perkongsian maklumat daripada pembentangan kertas kerja luar dan dalam negara.

Majlis telah mewujudkan “**Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya**” dan pembinaan model lalulintas pengangkutan untuk menghasilkan perancangan guna tanah dan pengangkutan awam secara bersepadu. Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan dalam bentuk digital ini akan menjadi “*value added*” kepada Majlis di mana perancangan pengangkutan dapat dilihat secara menyeluruh dan dapat digunakan untuk menganalisis maklumat trafik, penilaian kesan trafik, impak lalulintas dan simulasi trafik semasa dan akan datang secara digital dan pantas.

Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya adalah sistem yang membolehkan penganalisaan maklumat trafik, penilaian kesan trafik, impak lalulintas dan simulasi trafik semasa dan akan datang secara digital dan pantas. Sistem ini membolehkan maklumat perancangan pengangkutan sentiasa dikemaskini dengan memasukkan data yang diperolehi daripada Laporan Kajian Impak Lalulintas (TIA) yang diterima semasa permohonan Kebenaran Merancang untuk membolehkan Majlis membuat pertimbangan permohonan Kebenaran Merancang.

Majlis juga mendapat kerjasama dan percambahan idea daripada Pertubuhan Malaysian Institute Planners (IMP), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Institute of Engineers Malaysia (IEM) dan Universiti Malaya (UM).

Penganjuran seminar ini juga bertujuan memberi pemahaman, kesedaran dan publisiti kepada orang awam dan pihak yang terlibat berkaitan penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal serta kemudahan berkaitan “**Creating Street For People**” di Petaling Jaya serta mewujudkan jaringan laluan tanpa motor ke stesen transit atau stesen pengangkutan awam.

Selain itu, seminar ini antara lain memberi peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berhubung dengan komponen yang perlu diambilkira di dalam perancangan pembangunan laluan pejalan kaki dan laluan basikal seperti penyediaan tempat menarik bagi menggalakkan pergerakan menggunakan basikal dan berjalan kaki.

Majlis berharap seminar ini dapat merangka garis panduan dan reka bentuk laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang mengambil kira segala aspek seperti aspek keselamatan, keselesaan selain mematuhi garis panduan "**universal design**".

#### 3.4 **KEMPEN BAYAR CUKAI TAKSIRAN**

Pada masa kini, Majlis giat mengadakan kempen membayar cukai taksiran yang akan berakhir beberapa hari sahaja lagi, iaitu pada 31 Ogos 2015. Semua pemegang harta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang masih belum menjelaskan cukai taksiran adalah dinasihatkan supaya berbuat demikian untuk mengelakkan sebarang bayaran tambahan dikenakan.

MBPJ telah menghantar melalui pos semua bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun kedua (Julai – Disember 2015) untuk 234,973 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM164.9 juta.

Bagi memudahkan pemegang harta menjelaskan bayaran cukai taksiran, pembayaran boleh dijelaskan di lokasi yang telah ditetapkan dan beberapa kaedah bayaran disediakan seperti perbankan atas talian, kaunter pandu masuk, kaunter bergerak dan beberapa kaedah yang lain lagi.

Majlis juga menasihatkan pemegang harta sekiranya masih lagi tidak menerima apa-apa bil taksiran, dinasihatkan untuk datang ke Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk mendapatkan salinan dan boleh membuat pembayaran terus di kaunter pembayaran utama.

#### 3.5 **PETALING JAYA WASTE SUMMIT 2015**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan persidangan Petaling Jaya Waste Summit pada 17 dan 18 November 2015 bersempena dengan sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan, yang membawa tema **Profesionalisme Dalam Pengurusan Sisa Pepejal Ke Arah PJ Bersih, Hijau Dan Sejahtera**".



Petaling Jaya Waste Summit buat pertama kalinya mula diadakan pada 3-4 Disember 2014 oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam MBPJ. Bertemakan "**Waste to Wealth: Moving Petaling Jaya Towards a Greener & Zero Waste City**", bertujuan untuk memberi penerangan berkenaan pengurusan sampah MBPJ kepada Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga, Ahli Majlis, kakitangan MBPJ dan kontraktor pembersihan baru. Di majlis yang sama juga telah diadakan majlis menandatangani perjanjian di antara MBPJ dan kontraktor pembersihan awam yang telah dilantik oleh MBPJ.

Pada tahun ini, persidangan ini diadakan bertujuan untuk mengkaji semula pencapaian dan kemajuan projek- projek perintis pengurusan sisa pepejal dan Teknologi Hijau. Di samping itu juga, dapat memperkenalkan aplikasi dan kaedah teknologi hijau dalam inisiatif berkarbon rendah dan pengurusan sisa pepejal. MBPJ juga akan memberikan perakuan dan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan dalam sektor pengurusan sisa pepejal.

Persidangan ini mensasarkan penyertaan Ahli Majlis MBPJ, kontraktor pembersihan, pekerja-pekerja pembersihan, persatuan penduduk, rukun tetangga, pembekal perkhidmatan pembersihan / teknologi hijau dan kakitangan MBPJ.

### 3.6 **KEMPEN JOM SAPU BERSIH DI KAWASAN PETALING JAYA**

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ telah mengadakan kempen **Pembersihan Dan Pengutipan Sampah Pukul Dan Kebun** dalam usaha mengurangkan risiko wabak denggi di kawasan Majlis.

Kempen yang bermula pada 15 Ogos sehingga 16 September 2015 bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu persekitaran hidup yang bersih dengan matlamat mengurangkan wabak denggi.

Seramai 69 kontraktor termasuk 17 kontraktor pembersihan awam sedia ada telah dilantik untuk menjalani kerja-kerja pembersihan terutamanya pelupusan sampah haram di seluruh kawasan Majlis. Kempen ini merupakan usaha tambahan Majlis bagi meningkatkan kerja-kerja pembersihan kawasan terutamanya di 62 kawasan yang telah dikenalpasti sebagai hotspot wabak denggi.

Sehingga 25 Ogos lepas, sebanyak 250 tan sampah haram daripada 26 kawasan telah dilupuskan disamping kerja-kerja pembersihan longkang, jalan dan kawasan lapang terbiar di 13 kawasan. Pada masa yang sama, tindakan penguatkuasaan turut diperketatkan di mana 8 kawasan yang dikenalpasti sebagai tapak pembuangan sampah haram diawasi dengan rapi dan Majlis tidak teragak-agak mengambil tindakan penangkapan ke atas orang yang bersalah dan menyita kenderaan serta mengeluarkan kompaun dengan nilai amaun RM 1,000. Sehingga kini, 9 kompaun telah dikeluarkan.

Adalah diaggarkan bahawa pada penghujung tempoh kempen sejumlah 1300 tan sampah akan dapat dilupuskan. Majlis ingin menyeru kerjasama daripada semua pihak berkepentingan supaya jangan membuang sampah sewenang-wenangnya dan menjaga kebersihan kawasan persekitaran demi memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya yang Bersih, Indah dan Sejahtera.

Mengikut perangkaan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, secara amnya 21% daripada pembiakan nyamuk aedes adalah berpunca daripada longgokan sampah yang tidak dikutip. Adalah menjadi asas bahawa pembasmian longgokan sampah akan membantu meminimalkan kebarangkalian pembiakan nyamuk aedes.

Majlis telah mengenal pasti 50 lokasi 'hotspot' sampah haram. Sebanyak 39 lokasi telah diambil tindakan pembersihan. Manakala 11 lokasi lagi dalam tindakan pembersihan oleh Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta pemantauan statik oleh Jabatan Penguatkuasa.

Sehubungan itu, kempen ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengurangkan kes denggi dan menjadikan kawasan awam lebih bersih dan indah, mengurangkan 'hot spot' sampah haram, meningkatkan kesedaran dikalangan penduduk serta meningkatkan hasil Majlis.

### 3.7 KOTA SENI PETALING JAYA

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang memiliki kepelbagaian terutamanya dari aspek kesenian dan kebudayaan.

Bermula 2015, Kerajaan Negeri komited membangunkan 'Kota Seni' dengan mengangkat Bandaraya Petaling Jaya sebagai salah satu wilayah pelaksana di Selangor yang antara lain bertujuan meningkatkan penglibatan sektor ekonomi kreatif tempatan dalam ekonomi kreatif global yang sedang maju serta pesat.



Pelaksanaan pembangunan Kota Seni ini adalah tidak hanya tertumpu kepada pengisian program, bahkan ianya merangkumi dasar pembangunan, pelaksanaan dan perancangan bandar yang akan diterapkan dengan konsep kesenian.

Ini adalah berdasarkan landskap Negeri Selangor ibarat tempat berkarya bagi seniman mahupun penggiat seni apabila negeri Selangor menghimpunkan karyawan dan seniman yang agak ramai berbanding negeri lain.

Kota Seni akan dijadikan sepenuhnya sebagai “*one stop center*” dan golongan seni yang berpotensi akan dijadikan sebagai aset besar yang perlu dimaksimumkan, bahkan akan membantu meningkatkan kualiti warga bandar raya Petaling Jaya.

Pembangunan Kota Seni ini juga tidak hanya terfokus ke arah pengisian program, bahkan akan merangkumi dasar pembangunan, pelaksanaan dan perancangan bandar yang akan diterapkan dengan sisi dan konsep kesenian.

MBPJ mensasarkan kawasan Dataran Boulevard Pusat Bandar Seksyen 52, Persekitaran Menara MBPJ, Auditorium Dewan Sivik MBPJ dan Muzium MBPJ sebagai lokasi bagi pengisian program Kota Seni.

### 3.8 OPERASI PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)

Pada 25 Ogos 2015, Jabatan Penguatkuasaan Dan Keselamatan MBPJ telah menjalankan operasi pendatang tanpa izin secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen Selangor. Operasi ini melibatkan pasar SS 2, pasar Sg. Way dan pasar Kampung Lindungan. Pihak Imigresen telah menahan seramai 20 orang pendatang asing terdiri daripada 8 warga Indonesia, 7 warga Bangladesh, 2 warga Pakistan, 2 warga Nepal dan 1 warga Sri Lanka untuk tindakan selanjutnya. Operasi ini bertujuan mengekang penjaja asing tanpa izin berniaga.

### 3.9 HARGAI KEMERDEKAAN NEGARA

Tahun ini merupakan tahun yang ke-58 negara kita menyambut kemerdekaan. Bersesuaian dengan tema **Sehati Sejiwa**, ianya diharap dapat memberi semangat yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia dalam memahami erti sebenar kemerdekaan.

Menjaga kedaulatan negara adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Hiasilah keunikan budaya dan adat masyarakat majmuk di negara kita ini sebagai pentas untuk hidup kekal harmoni antara satu dengan yang lain.



Akhir kata, beliau menyeru agar semua pihak bersama-sama menghargai keamanan, keharmonian dan perpaduan yang sudah lama terjalin dengan mengambil iktibar erti kemerdekaan. Beliau bersama Ahli-ahli Majlis dan warga Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan yang ke -58.

**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

**4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 7 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 7 Tahun 2015 bertarikh 29 Julai 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.

**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 JULAI 2015**

<b>RUJUKAN MINIT</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>
6.4	<p><b>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 8 JULAI 2015.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara-perkara 3.0 (4.2) di muka surat 5 iv) iaitu Encik Ariffin bin Mahaiyuddin memaklumkan beliau belum pernah melihat perkhidmatan 'feeder bus' yang telah beroperasi di kawasan PJS kecuali pada hari pelancaran walaupun tempoh percubaan adalah selama 6 bulan.</li> </ul>	<p>Semakan telah dibuat dan mendapati perkhidmatan Bas Komuniti Petaling Jaya Selatan (PJS) beroperasi seperti biasa bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dengan kekerapan masa selama 1 jam untuk satu pusingan. Dilampirkan juga bersama-sama ini salinan buku log penggunaan bas tersebut bagi bulan Mei – Ogos 2015.</p>





RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Halimey bin Abu Bakar pula memaklumkan bahawa Jabatan Kejuruteraan masih belum mengadakan 'Press Conference' sebagaimana keputusan serta belum mengedarkan 'flyers' berkaitan perkhidmatan 'feeder bus'.</li> <li>- Encik Chong Fook Meng turut memaklumkan bahawa beliau adalah pengguna tegar 'feeder bus'. Kebelakangan ini beliau mendapati kekerapan perkhidmatan yang selama ini 10 minit sekali menjadi 15 minit sekali. Hal ini menggambarkan ketidak cekapan Majlis di dalam mengendalikan perkhidmatan. Beliau berharap agar kekerapan ini dikekalkan kepada 10 minit sekali.</li> </ul>	<p>Jabatan Kejuruteraan dan Unit Perhubungan Awam dan Korporat akan mengadakan sidang akhbar mengenai perkhidmatan bas tersebut pada 28 Ogos 2015 selepas Mesyuarat Majlis, MBPJ.</p> <p>'Feeder Bus' yang dimaksudkan seperti merujuk kepada Perkhidmatan Bas Percuma PJ City Bus (kerana beliau menggambarkan kekerapan bas antara 10 – 15 minit). Seperti sedia maklum, perkhidmatan PJ City Bus pada asalnya, adalah laluan PJ01 dengan kekerapan 15 minit dengan kapasiti 10 buah bas. Atas permintaan yang meningkat daripada penduduk SS2, perkhidmatan PJ City Bus telah diperluaskan ke kawasan tersebut. Laluan asal PJ01 telah ditukar kepada 2 laluan iaitu PJ01 (Taman Medan-PJ State-LRT Taman Jaya) dan PJ02 (LRT Taman Jaya-SS2-PPUM) berkuatkuasa 11 April 2015 dengan stesen transitnya di Stesen LRT Taman Jaya. Kekerapan laluan PJ01 bertambah dari 15 minit kepada 20 minit dengan kapasiti 6 buah bas, manakala kekerapan laluan PJ02 sebanyak 20 ke 25 minit dengan kapasiti 4 buah bas sahaja. Sesi percubaan ini dijalankan dalam tempoh 3 bulan dan bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti keberkesanan terhadap pemilihan dan pecahan laluan baru tersebut.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		Selaras dengan permintaan yang semakin meningkat di kalangan pengguna, Majlis akan mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan dengan menambah bilangan bas bagi mencapai kekerapan yang lebih singkat dan efisien pada tahun hadapan.

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 4 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (129)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 5 OGOS 2015, 13 OGOS 2015 DAN 25 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (126)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (128)  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (130)**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 13 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (134)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit Audit, MBPJ.**



**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN  
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (57)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT  
SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 JULAI 2015 DAN 14 OGOS  
2015.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (10)**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (12)**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 10 JULAI 2015.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (41)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan bagi perkara 5.1.4 seperti berikut:-

5.1.4 Lanjutan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perundangan Bil 3/2015 yang telah diadakan pada 25 Ogos 2015 iaitu seperti berikut :

a) Mesyuarat telah bersetuju mengenai perkara-perkara berikut:

i) TOL yang diluluskan oleh Pejabat Tanah adalah bagi tempoh 3 tahun dan permohonan baru perlu dibuat selepas tempoh tamat.

ii) Hanya tapak-tapak yang telah mempunyai TOL sahaja yang akan dikeluarkan surat tawaran dan Perjanjian hanya akan ditandatangani selepas Syarikat mematuhi semua syarat didalam surat tawaran tersebut dan tempoh Perjanjian dibuat adalah 1+3 tahun mengikut kelulusan TOL.



- iii) Draf perjanjian baru paparan iklan luaran yang telah dibentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perundangan bertarikh 13 Ogos 2015 adalah merupakan perjanjian yang digunakan oleh Syarikat Laguna Sdn.Bhd. Oleh yang demikian, Mesyuarat bersetuju untuk tidak menggunakan dan seterusnya membatalkan draf perjanjian tersebut dan menggunakan draf perjanjian yang telah disediakan oleh Panel Peguam yang telah dilantik oleh Majlis.
- iv) Menggunakan draf yang telah disediakan oleh Panel Peguam Majlis tertakluk kepada kadar pengiraan TOL yang perlu dibayar kepada Pejabat Tanah sama ada secara “lump-sum” 3 tahun atau secara tahunan (yearly basis).

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

6.6.2 Tuan Pengerusi memutuskan agar setiap perjanjian yang disediakan hendaklah dirujuk kepada Unit Perundangan, MBPJ untuk diteliti. Unit Perundangan diminta menyemak setiap baris perjanjian agar setiap kes yang dibawa ke mahkamah yang melibatkan perjanjian yang disediakan oleh MBPJ akan memihak kepada MBPJ.

**Tindakan : Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ, Pengarah Perundangan, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 18 OGOS 2015. [RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (105)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**



6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa Jaring telah diambil alih oleh AEMS dan berharap agar rangkaian AEMS lebih baik daripada Jaring.

**Tindakan : Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 18 OGOS 2015.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (35)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas kecuali bagi perkara 6.1 di muka surat 34 di bawa semula ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas untuk perbincangan memandangkan projek tersebut mengambil masa yang terlalu lama untuk disiapkan. Selain daripada itu tiada sebarang notis yang menyatakan tarikh projek tersebut akan siap. Sehubungan dengan itu, mesyuarat memutuskan agar sebarang projek yang dibuat oleh Majlis hendaklah mematuhi prosedur sebagaimana projek swasta seperti pemasangan papan pemberitahuan kerja yang lengkap dengan tajuk projek/pembangunan, tarikh mula dan tarikh siap.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.8.2 Mesyuarat turut mencadangkan agar mesyuarat jawatankuasa teknikal bagi membincangkan pembinaan jalan harapan yang dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar, diadakan dua minggu sekali dan keputusan atau hasil perbincangan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Lalulintas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

6.8.3 Mesyuarat turut memutuskan untuk mengeluarkan 'Stop Work Order' kepada Syarikat IWK yang membuat kerja-kerja di Jalan Semangat memandangkan mengganggu lalulintas. Pengarah Jabatan Kejuruteraan turut diminta untuk melihat semua projek-projek yang melibatkan mana-mana agensi yang tidak mengikut prosedur di seluruh kawasan Petaling Jaya terutama di kawasan PJS 4 dan SS 1/6.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.**



**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 19 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (75)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN  
BERTARIKH 19 OGOS 2015.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (44)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

7.1.1 Beliau berharap agar Majlis melihat semula kemudahan kuarters yang ditawarkan kepada kakitangan majlis. Beliau mendapati kuarters di Seksyen 8 tidak selamat didiami di mana banyak bumbung bocor dan keadaan rumah yang terlalu daif. Selain itu beliau berharap agar kuarters inai merah dicat semula agar nampak ceria dan meminta agar kerja-kerja pembaikan kuarters disegerakan. Beliau berharap agar Majlis menjaga kebajikan kakitangan MBPJ terutama dari segi tempat tinggal.

Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan agar semua warga kerja MBPJ hendaklah tinggal di Kuarters MBPJ atau berdekatan dengan MBPJ bagi mengelakkan masalah datang lambat dan jauh perjalanan ke tempat kerja.

7.1.2 Beliau turut meminta agar jabatan berkaitan membuat 'Master Drainage Plant' bagi mengatasi masalah-masalah yang melibatkan longkang di Petaling Jaya. Sebagaimana sistem 'The PJ Traffic Masterplan' telah berjaya diwujudkan maka beliau berharap agar sistem 'Master Drainage Plant' yang lengkap turut diwujudkan bagi mengatasi masalah dan aduan longkang yang semakin meningkat di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**



7.1.3 Beliau mengalu-alukan perutusan Tuan Pengerusi berkaitan persidangan Petaling Jaya Waste Summit pada 17 dan 18 November 2015 bersempena dengan sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan yang bertujuan untuk mengkaji semula pencapaian dan kemajuan projek– projek perintis pengurusan sisa pepejal dan Teknologi Hijau. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Majlis turut mengkaji semula cara bayaran sama ada rendah atau tinggi.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.**

7.1.4 Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perancangan dan Pembangunan di atas inisiatif mewujudkan Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya. Sistem ini boleh menganalisa maklumat trafik, penilaian kesan trafik, impak lalulintas dan simulasi trafik semasa dan akan datang secara digital dan pantas. Ekoran daripada kejayaan tersebut, terdapat ramai PBT yang berminat untuk mempelajari sistem tersebut daripada MBPJ. Memandangkan MBPJ telah menjadi sebagai peneraju kepada projek tersebut, beliau berharap agar pelaksanaan kepada sistem tersebut diambil tindakan serius.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan,  
MBPJ.**

## 7.2 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG**

### 7.2.1 **Kempen Meningkatkan Penggunaan Pengangkutan Awam**

Beliau memaklumkan bahawa beliau pernah membangkitkan isu berkaitan cadangan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan pengurangan penggunaan kenderaan persendirian. Ini adalah langkah untuk mengurangkan peningkatan karbon dioksida di muka bumi ini.



## 7.2.2 Kajian 'The PJ Traffic Masterplan'

Mengambil inisiatif di atas masalah kesesakan lalulintas yang menjadi cabaran utama kepada Pegawai-pegawai Perancang Bandar di seluruh dunia, Jabatan Perancangan Pembangunan telah mengkaji 'The PJ Traffic Masterplan' untuk membuat dasar halatuju pengurusan trafik untuk 20 tahun ke hadapan. Sehubungan dengan itu, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada MBPJ kerana telah mempunyai Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya

Dasar daripada Sistem Maklumat Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya ini akan digunapakai sebagai panduan dalam kelulusan permohonan kebenaran merancang untuk semua projek-projek baru di Petaling Jaya. Langkah-langkah ini pasti dapat kekalkan Petaling Jaya sebagai Bandaraya Lestari dan Mampan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

## 7.2.3 Bajet 2016

### a) Perkhidmatan Bas Percuma

Beliau turut menyeru agar di dalam penyediaan bajet 2016, Majlis mesti menjurus kepada objektif yang spesifik dan bertumpu kepada wawasan Bandaraya Berdayahuni, Lestari dan Mampan. Seperti memperluaskan lagi perkhidmatan bas percuma di Petaling Jaya.

Program Bas Hijau yang bermula 2 tahun lepas ini adalah antara kejayaan paling berkesan di MBPJ. Perkhidmatan bas percuma ini kini dicontohi di Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Akan tetapi di dalam fasa 1 projek ini, yang mendapat manfaat terbesar, adalah Rapid KL selain penduduk tempatan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Rapid KL mendapat jaminan tahunan untuk perkhidmatan bas mereka. Penduduk dalam laluan ini dapat manfaat khidmat bas percuma yang lebih efisien melalui kekerapan khidmat yg lebih dan masa menunggu yg singkat (secara purata 10 minit.) Menurut beliau lagi sepatutnya kekerapan perkhidmatan Rapid KL menjadi sasaran mereka. Bukan





hanya menjadi kenyataan setelah ada perkhidmatan bas percuma yang melibatkan bas Rapid KL. Sehubungan dengan itu, beliau mencabar Rapid KL untuk terus menaiktaraf kualiti perkhidmatan mereka walaupun tanpa projek perkhidmatan bas percuma dengan MBPJ.

Hasil penelitian beliau di dapati di dalam Fasa 1 ini, perkhidmatan bas percuma tidak memberi sumbangan apa-apa kepada MBPJ terutama dari segi pengurangan penggunaan kenderaan persendirian. Ini kerana pilihan laluan Fasa1 lebih bertumpu kepada kawasan di mana pengguna bas percuma terdiri daripada mereka yang tidak menggunakan kenderaan persendirian pada asalnya.

Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar peruntukan tambahan bas percuma dimasukkan di dalam Bajet 2016 bagi memberikan manfaat dan mengurangkan benanan kos sara hidup yang tinggi terutama kepada golongan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Beliau berharap agar di dalam Fasa 2 perkhidmatan bas percuma ini akan melalui kawasan perumahan golongan berpendapatan sederhana dan sederhana tinggi bagi mengurangkan kesesakan lalulintas dan dapat meningkatkan kualiti hidup warga kota.

b. Kemudahan Perhentian bas, pejalan kaki dan basikal

Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan agar MBPJ menyediakan kemudahan perhentian bas yang mencukupi serta laluan pejalan kaki dan basikal yang mesra pengguna. Beliau berpendapat semasa penyediaan kemudahan tersebut, jabatan perlulah memikirkan objektif penyediaan kemudahan tersebut kepada orang awam. Menurut beliau adalah berbaloi dengan penyediaan kemudahan awam yang berkualiti dan kos yang tinggi berbanding dengan pembinaan kemudahan dengan kos yang rendah dan tidak memenuhi spesifikasi yang diperlukan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,**

c. Pembangunan di Petaling Jaya

Sebagai pengubal dasar, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Majlis untuk memastikan penjanaaan dana untuk majlis terus meningkat. Oleh itu, pembangunan harus berterusan dengan cabaran kawasan yang semakin kurang. Kawasan hijau harus dikekalkan. Plot ratio yang lebih tinggi harus dikaji dengan pelaksanaan yang terkawal untuk memenuhi objektif-objektif majlis yang spesifik.


7.2.4 Beliau mengakhiri ucapan penangguhan beliau dengan memetik kata-kata daripada Mantan Datuk Bandar Bandaraya Bogota, Amerika Selatan iaitu "A great city is not where the poor can afford cars but where the rich use public transport" yang bermaksud, Sebuah bandaraya yang unggul bukannya di mana warga berpendapatan rendah mampu memiliki kereta tetapi bila warga berpendapatan tinggi memilih untuk menggunakan khidmat pengangkutan awam". Beliau berharap agar sasaran ini akan menjadi kenyataan semasa MBPJ menyambut ulangtahun ke 10 pengisytiharan sebagai Bandaraya, tahun hadapan. Beliau turut menyumbangkan sajak untuk renungan bersama.

Dewasa ini kita saling merayakan  
Kejayaan yang akhirnya membinasakan  
Apalah gunanya kematangan fikiran  
Bila di jiwa kita masih lagi muda dan mentah

Ku lihat hijau

Bumiku yang kian pudar  
Siapa yang melihat  
Di kala kita tersedar  
Mungkinkah terlewat

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

  
(JOHARY BIN ANUAR) AMS  
Setiausaha,  
b.p. Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 7 September 2015

## LAMPIRAN KEHADIRAN

### HADIR:

01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Tony Cheong Siew Thong, Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Azri bin Mohamad Arish, Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Oon Chong Ling, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Ang Ming Ern, Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Azizi bin Ariffin, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Sia Siew Chin, Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Tang Fuie Koh, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Mahharul bin Ismail, Ahli Majlis, MBPJ.



15. Puan Cynthia Gabriel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Shatiri bin Mansor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Chong Fook Meng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Wong Yuet Leng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Encik Chan Kien Fatt,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.



04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Tuan Dr. Abdul Ghalib bin Sulaiman,  
Wakil Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Puan Hajah Zainun binti Zakaria,  
Wakil Pengarah,  
Unit Perhubungan Awam dan Korporat, MBPJ.
15. Puan Hajah Norlida binti Mohd Isa,  
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Cik Nor Shabani binti Johari,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.



19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),  
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Wan Samsudin bin Wan Ali,  
Penolong Pengarah (Pentadbiran Am),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
03. Encik Muhammad Reduan bin Bachok,  
Wakil Penyelaras DUN Kota Damansara.

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

